

# DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAN

Assalamualaikum w.b.k dan Salam Sejahtera

PTAR memainkan peranan yang penting dalam urusan keilmuan yang meliputi kegiatan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan di universiti. PTAR menyokong penuh matlamat Pendidikan UiTM melahirkan graduan yang professional yang berpengetahuan luas dengan mengadakan kepelbagaian koleksi, perkhidmatan yang mantap serta penggunaan teknologi terkini seiring perkembangan global masa kini.

Pengwujudan 9 buah perpustakaan di sekitar Shah Alam dan Petaling Jaya serta 12 lagi perpustakaan di seluruh kampus cawangan adalah pendekatan kami bertujuan memberi perkhidmatan yang terbaik seluruh warga UiTM. Pemilihan bahan secara seimbang dan saksama adalah kewajipan PTAR yang telah mewujudkan 1.5 juta koleksi yang



boleh menampung kegiatan keilmuan dalam semua bidang pengajian dan penyelidikan. Memudahkan pengesanan maklumat dan memastikan jaminan akses pada bahan adalah juga matlamat penting kami.

Penggunaan internet untuk mengembangkan perkhidmatan, menambahbaikkan operasi adalah menjadi kekuatan PTAR, Perkhidmatan elektronik termasuk OPAC, katalog

induk, rujukan maya, bahan elektronik seperti pangkalan data dalam talian yang merangkumi lebih dari 20,000 judul jurnal teks penuh yang mengandungi berjuta-juta artikel, bahan digital UiTM seperti kertas soalan, tesis dan lain-lain yang melebihi 2 juta imejan adalah kearah memantapkan perkhidmatan PTAR ke seluruh UiTM termasuk kampus cawangan.

Bagi memastikan koleksi dan perkhidmatan yang dibekalkan ini dapat dimanfaatkan, PTAR juga menjalinkan program pendidikan pengguna secara lebih meluas, untuk mendapatkan jutaan maklumat yang dibekalkan dan dirangkaikan, sila layari Portal PTAR <http://www.uitm.edu.my/ptar/>

Adalah diharapkan Buletin PinTAR ini menjadi salah satu cara untuk merapatkan 100,000 warga UiTM dengan PTAR.

## DASAR KUALITI PTAR



- Memastikan peningkatan pinjaman buku oleh pelanggan sebanyak 1% setahun.
- Memastikan peningkatan penggunaan bahan elektronik seperti pangkalan data oleh pengguna perpustakaan sebanyak 2% setahun
- Memastikan perkhidmatan penggunaan portal boleh diakses oleh pengguna sepanjang masa
- Meningkatkan program pendidikan pengguna kepada pelanggan sebanyak 2% setahun.
- Meningkatkan kompetensi staf melalui latihan dengan memastikan setiap staf menerima 40 jam latihan setahun.

PTAR prihatin dan komited dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan berpandukan kepada kepuasan pelanggan dan penambahbaikan yang berterusan yang boleh dicapai melalui kakitangan yang cekap dan mahir, perkhidmatan yang cepat dan tepat, bahan yang komprehensif dan terkini, dan persekitaran yang mesra dan selesa.

KETUA PUSTAKAWAN  
17 November 2003